

UMNO tidak pernah antikaum lain — Pak Lah

UMNO 8 JUL 2001

KUALA LUMPUR 7 Julai — Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, UMNO tidak pernah bersikap anti terhadap mana-mana kaum di negara ini, sebaliknya turut mengambil berat soal kaum lain.

Beliau berkata, pemimpin UMNO juga tidak pernah mengeluarkan kenyataan yang bersifat anti terhadap kaum tertentu termasuk ketika perhimpunan agung parti diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Menurutnya, parti itu sebenarnya turut mengambil berat serta mengambil kira pandangan kaum lain untuk memastikan keharmonian serta keamanan dalam negara terpelihara.

“Kerana itu, apa yang telah UMNO

lakukan tak perlulah dibimbangkan. Kita hormati kaum-kaum lain dan kerana itu tidak pernah melakukan sesuatu yang di luar batasan perlembagaan berhubung hak-hak kaum lain,” katanya sewaktu berucap mewakili UMNO pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) di PWTC hari ini.

Abdullah menambah, walaupun UMNO merupakan parti utama di negara ini, namun ia tidak pernah berhasrat untuk membatalkan hak-hak kaum bukan Melayu seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tegas beliau, hubungan kaum di negara ini adalah erat dan kukuh dan ia terhasil daripada sikap muafakat serta toleransi yang tinggi antara parti komponen BN.

Dalam pada itu, Abdullah memberitahu, UMNO amat menghargai penghormatan yang diberikan oleh parti-parti komponen BN terhadap parti itu untuk terus menerajui BN.

Katanya, walaupun UMNO sebuah parti Melayu, namun ia tidak pernah mengabaikan soal perpaduan nasional kerana perpaduan Melayu juga adalah penting ke arah pencapaian matlamat tersebut.

Abdullah berkata, walaupun UMNO terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran serta masalah, tetapi di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO, parti itu berjaya mengatasinya.